

Banjir di Tumpat semakin buruk

ROHANA ISMAIL 5 JANUARI 2017



Keadaan banjir di Tumpat semakin buruk. Lebih ramai penduduk dipindahkan.

TUMPAT - Banjir di Tumpat semakin buruk apabila mangsa banjir terus meningkat kepada 1,965 orang.

Penduduk yang dipindahkan adalah dari lebih 10 kampung antaranya Kampung Simpangan, Kuala Jambu, Teluk Jering, Jejulok, Palas Merah dan sekitar.

Limpahan Sungai Golok itu juga menyebabkan jalan utama laluan Chabang Empat-Meranti tidak dapat dilalui semua kenderaan.



Berikutan itu, Kampung Ana, Kampung Jambu, Kampung Cherang Melintang, Kampung Tok Oh, Kampung Padang Mandol, Kampung Jal Besar dan Kampung Jal Kechik terputus hubungan dan sebahagian penduduk kampung berpindah.

Daripada dua pusat pemindahan dibuka kelmarin iaitu di Sekolah Kebangsaan (SK) Bunohan dan SK Pengkalan Kubor 2, kini dua lagi iaitu di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Chabang Empat dan SK Pengkalan Kubor 1